


# PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



## IJAZAH (PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)



### » **PEGAWAI PERGIGIAN GRED UG41** **(KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)**

**Kekosongan: 38 (berdasarkan kekosongan tempat seperti di jadual 1)**

#### 1. Syarat Lantikan:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

#### 2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### 3. Syarat-Syarat Khusus (Ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia):

- (a) Calon telah dilantik secara kontrak (*Contract of Service*) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan **tidak ditawarkan lantikan tetap** berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 4 Tahun 2016-Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*) Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi (Warganegara) bagi Menjalani Latihan Siswazah dan/ atau Khidmat Wajib di KKM;
- (b) Calon yang berjaya akan **dilantik tetap pada Gred UG41**;
- (c) Tarikh pelantikan tetap adalah pada **tarikh semasa dan tidak akan dikebelakangkan**;
- (d) **Tidak mempunyai masalah kesihatan** untuk dilantik tetap;
- (e) Calon telah menjalani *New Dental Officer Programme* (NDOP) dengan jayanya;
- (f) Calon telah menamatkan khidmat wajib di fasiliti KKM dengan jayanya;
- (g) Hanya **satu (1)** permohonan pilihan penempatan dibenarkan. Pilihan penempatan adalah **muktamad** dan **rayuan** tidak akan dipertimbangkan;
- (h) Pilihan penempatan di SPA9:
  - (i) Calon boleh membuat pilihan penempatan dalam permohonan melalui sistem SPA9 sehingga peringkat **negeri** (Kedah/ Perak/ Johor/ Pahang/ Terengganu/ Kelantan/ Sabah/ Sarawak) sahaja;
  - (ii) Pilihan pusat temu duga di SPA9 adalah dianggap sebagai **pilihan penempatan**; dan
  - (iii) Calon tidak dibenarkan untuk menukar penempatan yang telah dipilih di peringkat negeri **selepas tarikh tutup iklan**.
- (i) Calon hendaklah mengosongkan ruangan menu Maklumat Sedang Berkhidmat dalam borang SPA9;
- (j) Calon hendaklah memberi maklumat yang lengkap, tepat dan benar dalam permohonan di sistem SPA9;
- (k) Permohonan yang tidak memenuhi syarat ditetapkan, tidak lengkap, tidak benar dan diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan;
- (l) Hanya calon yang layak dipertimbangkan akan ditawarkan untuk menghadiri temu duga pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Panggilan temu duga akan dikemukakan secara emel beserta Senarai Semak, Borang Pengakuan dan Borang Pilihan Penempatan;
- (m) Calon yang dipanggil temu duga akan membuat pilihan penempatan fasiliti melalui Borang Pilihan Penempatan; dan
- (n) Sebarang pertanyaan, sila e-melkan kepada [lantiktetapkhas@moh.gov.my](mailto:lantiktetapkhas@moh.gov.my)

#### 4. Keperluan Tambahan:

- (a) Kohort lantikan yang layak memohon adalah Pegawai Pergigian lantikan kontrak di KKM daripada sesi atau tarikh lantikan kontrak seperti berikut:
  - (i) **Bilangan 3 Tahun 2017 (13 November 2017);** dan
  - (ii) **Bilangan 1 Tahun 2018 (26 Februari 2018).**

Hanya calon-calon daripada kohort lantikan yang disenaraikan sahaja akan dipertimbangkan bagi urusan ini.

#### (b) Pegawai yang tidak layak memohon adalah seperti berikut:

- (i) Calon selain daripada kohort lantikan seperti dinyatakan di para 4(a);
- (ii) Calon telah **meletakkan jawatan** sepanjang tempoh kontrak di KKM;
- (iii) Calon telah **ditamatkan perkhidmatan** sepanjang tempoh kontrak di KKM;
- (iv) Calon telah **ditawarkan pelantikan tetap** di KKM; dan
- (v) Calon telah **menolak** tawaran lantikan tetap di KKM.

# JADUAL 1

**JAWATAN/ GRED: PEGAWAI PERGIGIAN GRED UG41  
(38 KEKOSONGAN)**

NEGERI	FASILITI	KEKOSONGAN
Kedah	Klinik Pergigian Padang Serai, Kulim Klinik Pakar Pergigian Pediatric, Hospital Kulim Klinik Pergigian Padang Matsirat, Langkawi Klinik Pergigian Jitra, Kubang Pasu Klinik Pergigian Naka, Padang Terap	1 1 1 1 1
Perak	Klinik Pergigian Pengkalan Hulu, Hulu Perak Klinik Pergigian Lenggong, Hulu Perak Klinik Pergigian Bagan Datuk, Hilir Perak Klinik Pergigian Kuala Gula, Kerian Klinik Pergigian Pekan, Kuala Kangsar	1 1 1 1 1
Johor	Klinik Pergigian Bukit Serampang, Tangkak Klinik Pergigian Batu Anam, Segamat Klinik Pergigian Rengit, Batu Pahat Klinik Pergigian Serkat, Pontian Klinik Pergigian Paloh, Kluang	1 1 1 1 1
Pahang	Klinik Pergigian Purun, Bera Klinik Pergigian UTC Kuantan, Kuantan Klinik Pergigian Kuala Lipis, Kuala Lipis Klinik Pergigian Padang Tengku, Kuala Lipis Klinik Pergigian Chini, Pekan	1 1 1 1 1
Terengganu	Klinik Pergigian Kemaman, Kemaman Klinik Pergigian Padang Luas, Besut Klinik Pergigian Kerteh, Kemaman Klinik Pergigian Air Putih, Kemaman Klinik Pergigian Permaisuri, Setiu	1 1 1 1 1
Kelantan	Klinik Pergigian Batu Gajah, Tanah Merah Klinik Pergigian Gual Ipoh, Tanah Merah Klinik Pergigian Gaal, Pasir Puteh Klinik Pergigian Gua Musang, Gua Musang	1 1 1 1
Sabah	Klinik Pergigian Kunak, Kunak Klinik Pergigian Pulau Bum-Bum, Semporna Klinik Pergigian Karakit, Kudat Klinik Pergigian Nabawan, Nabawan Klinik Pergigian Penangah, Sandakan	1 1 1 1 1
Sarawak	Klinik Pergigian Kapit, Kapit Klinik Pergigian Marudi, Marudi Klinik Pergigian Sri Aman, Sri Aman Klinik Pergigian Lundu, Lundu	1 1 1 1
	<b>JUMLAH</b>	<b>38</b>

\*Calon layak memilih **satu (1)** pilihan penempatan sahaja. Pilihan penempatan adalah **muktamad**. **Pilihan tempat temu duga (negeri) melalui SPA9 adalah mengikut pilihan negeri penempatan yang dinyatakan di dalam jadual 1. Permohonan selain daripada negeri di atas tidak akan dipertimbangkan.**

Calon yang berminat dan memenuhi syarat ditetapkan boleh mengemukakan/mengemaskini permohonan secara atas talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my> mulai **7 Disember 2020**. Tarikh tutup permohonan bagi jawatan ini adalah pada **14 Disember 2020 (Isnin), jam 11.59 malam**.

Sebarang permohonan atau perubahan selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. **Keputusan pelantikan adalah muktamad dan tiada sebarang urusan rayuan akan dipertimbangkan.**

**MOHONLAH SECARA ONLINE DI PORTAL SPA**

**<https://www.spa.gov.my/spa/>**

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :

**<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/pegawai-pergigian-gred-ug41>**